

Obama campur tangan hal ehwal negara, 'menyumpah' Malaysia, dakwa Kadir Jasin
Malaysian Insider
April 29, 2014

Bekas ketua pengarang kumpulan akhbar NST, Datuk Abdul Kadir Jasin menyifatkan kenyataan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama, "Malaysia tidak akan menjadi negara maju sekiranya masih diskriminasi terhadap golongan bukan Islam dan minoriti", sebagai campur tangan dalam negara ini.

"Kalau ini bukan campur tangan dan provokasi, saya tidak tahulah apa," dakwa Kadir dalam tulisan di blognya itu.

Namun begitu, beliau berkata dia hanya membaca laporan mengenainya daripada media bebas atas talian.

Berita itu hanya menjadi arus perdana apabila Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menyangkalnya.

The Malaysian Insider memetik beliau sebagai menyelar Obama kerana menyifatkan Malaysia tidak berlaku adil dalam konteks agama kepada semua kaum.

"Kita berikan peluang yang sama kepada bukan Islam dan kerajaan Malaysia berlaku adil kepada semua agama.

"Saya tidak fikir ada halangan untuk mengamalkan agama di sini. Berat sebelah dalam agama perlu dijauhi kerana kita perlu menghormati agama lain supaya mereka juga menghormati agama kita," kata Zahid pada satu sidang media selepas merasmikan Bengkel Keadilan Jenayah Penyeludupan Manusia kali ke-4 Asean di Kuala Lumpur semalam.

Ekoran itu, Kadir mengucapkan "Syabas Dr Ahmad Zahid".

"Tidak sia-sia perwakilan Umno memilih anda sebagai naib presiden paling popular dalam pemilihan Umno baru lalu. Alhamdulillah masih ada pemuka Umno yang tidak dijangkiti sindrom koro," kata Kadir.

Dalam tulisannya itu, Kadir memetik portal berita Malaysiakini, antara lain, yang memetik Obama berkata:

"Ini adalah negara majoriti Muslim. Ada masanya mereka yang bukan Islam melihat diri mereka kekurangan atau menghadapi permusuhan. Tiada negara yang boleh berjaya sekiranya sebahagian penduduknya dipinggirkan dan didiskriminasi. Malaysia tidak akan berjaya sekiranya bukan Islam tidak mempunyai peluang sama seperti yang lain."

"Saya kurang pasti apa 'treatment' media arus perdana kepada berita campur tangan Obama itu," kata Kadir.

Kalau Naib Presiden Al Gore pada tahun 1998 sekadar memuji Datuk Seri Anwar Ibrahim dan reformasi, Obama kali ini menuduh Malaysia menganaktirikan kaum minoriti dan orang bukan Islam, katanya.

"Kalaulah benar apa yang dilaporkan itu, tidakkah tindakan Obama itu berupa satu bentuk provokasi halus yang sangat mendalam dan meluas implikasi tersiratnya?" tanya Kadir dalam tulisannya.

Kadir mengungkit, siapakah yang ditindas dan berasa tertekan? Siapa yang membuka kotak pandora dengan menuntut agar mereka juga dibenarkan mengguna kalimah Allah? soalnya.

"Apakah kaum minoriti dan orang bukan Islam di negara ini ditindas, tidak dibenarkan beribadat dan hidup papa kedana?"

"Apa ceritanya dengan gereja yang berpuluh-puluh di Brickfields, Jalan Gasing dan Sentul? Apa halnya dengan kuil Hindu di merata simpang jalan, bawah pokok besar dan gua itu? Apa ceritanya kuil Buddha dan wat Siam, Gurdwara Sikh dan tokong Cina di merata pelosok tanah air? Dan siapa yang menguasai ekonomi?" tanya Kadir lagi.

Soalnya, katanya, adakah orang Melayu dan Islam hendak berdiam diri terhadap campur tangan Obama itu semata-mata kerana ada orang yang sangat "gembira" dapat berkereta dengan beliau atau beliau membisikkan puji-pujian ke telinga orang itu?

Secara tidak langsung, tulis Kadir, Obama melantik diri beliau sebagai jurucakap rakyat

Malaysia yang "mengacum" kepada beliau, kononnya mereka dengan dahsyat sekali didiskriminasikan oleh orang Melayu dan orang Islam. – 29 April, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/obama-campur-tangan-hal-ehwal-negara-bila-sumpah-malaysia-dakwa-kadir-jasin>